


mode



DR. CHE ANN ABDUL GHANI (kanan) mengenal pasti kecenderungan anak, Yuri Azzari, yang mengalami masalah autisme dalam bidang lukisan.

Peluang pendidikan autisme dewasa

MENDENGAR keluh kesah ibu bapa yang mencari kaedah pendidikan yang sesuai untuk anak-anak autisme mencetuskan rasa simpati.

Kurangnya kemudahan pendidikan khusus untuk golongan ini, menyebabkan kebanyakan mereka ditempatkan di dalam kelas bersama kanak-kanak yang mengalami masalah lain seperti gangguan kurang daya tumpuan dan hiperaktif (ADHD), masalah pembelajaran (lembam) dan sebagainya.

Apabila berlaku sebegini, keadaan mereka menjadi bertambah teruk kerana kanak-kanak yang mengalami autisme perlukan perhatian khusus yang berbeza.

Seorang ibu yang mempunyai anak autisme, Dr. Che Ann Abdul Ghani, turut berkongsi kesukarannya mendapatkan pendidikan untuk anak istimewanya itu terutama setelah dia meningkat dewasa.

Pernah mengantar anaknya, Yuri Azzari, 26, mendapat latihan dan pendidikan di Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM), namun setelah tamat usia persekolahan, dia merasakan pendidikan di situ tidak lagi sesuai untuk Yuri.

“Memang Yuri mendapat pendidikan awalnya di NASOM. Di pusat tersebut banyak yang dia pelajari terutama kemahiran menguruskan diri, namun setelah berusia 17 tahun kami merasakan dia memerlukan sesuatu yang lebih spesifik.

“Apabila meninggalkan NASOM, ini bermakna pendidikannya akan terhenti begitu sahaja dan persoalannya sekarang apa yang akan berlaku selepas itu dan apakah hal tujuinya?

“Mereka ini sebenarnya memerlukan sistem pembelajaran sepanjang hayat kerana autisme mempunyai tahap yang berbeza-beza,” ujarnya ketika ditemui baru-baru ini.

Merasakan golongan ini amat memerlukan sistem pembelajaran berbentuk latihan, jelas Che Ann, penghidap autisme adalah mereka yang mengalami masalah neuro yang tidak bersambung.

Selain itu, Dr. Che Ann juga menyatakan bahawa maklumat mengenai autisme tidak banyak disalurkan termasuklah pusat-pusat yang ada menawarkan perkhidmatan harian dan pendidikan kemahiran.

“Bukan mudah sebenarnya untuk menguruskan anak-anak autisme kerana banyak persiapan perlu dilakukan, selain perlu banyak menghabiskan masa bersama mereka.”

“Keadaan akan menjadi bertambah sukar apabila mereka meningkat dewasa kerana mereka ini juga mempunyai keinginan seperti orang normal yang lain,” tuturnya lanjut.

Cukup bimbang dengan masa depan Yuri, beliau berharap agar kerajaan dapat menubuhkan sebuah pusat autisme yang memberi latihan sewajarnya dalam usaha membolehkan golongan ini mencari kemahiran diri dan dapat menguruskan diri sendiri.

Bukan mudah sebenarnya untuk menguruskan anak-anak autisme kerana banyak persiapan perlu dilakukan, selain perlu menghabiskan masa bersama mereka.”